

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
(PANDAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.03.2016**

**Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama syarikat atau entiti yang akan bertanggungjawab melunaskan hutang terbitan sukuk RM2.4 bilion Bandar Malaysia Sdn Bhd kepada Tabung Haji dan pemegang sukuk lain selepas proses rasionalisasi 1MDB muktamad.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Perjanjian Jual Beli Saham (*Share Sale and Purchase Agreement*, dengan izin) di antara TRX

City Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai 1MDB Real Estate Sdn Bhd) dan Iskandar Waterfront Holdings Berhad (IWH) bersama China Railway Engineering Corporation Sdn. Bhd (CREC) telah ditandatangani pada 31 Disember 2015 untuk pembelian 60% kepentingan ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB).

Terbitan Sukuk Murabahah RM2.4 bilion adalah hutang milik BMSB. Justeru itu, BMSB bertanggungjawab untuk melunaskan hutang Sukuk tersebut.